

MAS perlu usaha kekalkan keuntungan

KETIKA membaca berita mengenai kejayaan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) mencatat keuntungan bersih RM133 juta yang bukan dijana menerusi aktiviti penjualan aset dan pinjaman kewangan pada suku pertama tahun ini, tentu ramai pembaca berasa gembira.

Saya juga berasa kagum kerana kejayaan MAS itu akan meningkatkan imej Malaysia dan membawa kesan positif ke atas industri pelancongan dan sektor berkaitan.

Kejayaan mengaut keuntungan ini juga sebagai menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika melancarkan 'An Experience Redefined' MAS pada Mac 2005 yang menginginkan syarikat penerbangan berkenaan untuk mengekal dan meningkatkan kedudukannya sebagai syarikat penerbangan premium dalam industri penerbangan yang kompetitif.

Kejayaan MAS menurut Perdana Menteri lagi, amat penting kerana sebagai syarikat penerbangan negara, tentunya akan meningkatkan imej Malaysia di mata dunia dan secara tidak langsung membawa kesan positif ke atas industri pelancongan dan sektor berkaitan.

Kejayaan MAS untuk terbang tinggi dengan megah adalah sebagai memenuhi tanggungjawab korporatnya dengan peningkatan kemahiran dan kompetensi kakitangannya. Peningkatan kemahiran dan kompetensi kakitangan MAS sejajar hasrat kerajaan membangunkan sumber manusia dan mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Dari sudut pelancongan pula dan dalam menjayakan Tahun Melawat

Malaysia 2007, kejayaan MAS tentu akan meningkatkan imej negara sekali gus menyumbang kepada kesan positif industri pelancongan. Selain memenuhi agenda korporatnya, MAS juga perlu memanfaatkan sebanyak mungkin produk dan perkhidmatan tempatan.

Berjayanya MAS, bererti ia dapat mencergaskan industri tempatan berkaitan di samping menjadi platform memaparkan produk Malaysia seperti makanan, hadiah dan jualan cendera hati dalam pesawat.

Kejayaan mencatatkan keuntungan pada suku pertama tahun ini perlu diteruskan dan MAS perlu sentiasa membuat penyesuaian agar dapat mengekalkan daya tarikannya terhadap pelanggan lama dan baru memandangkan cita rasa pelanggan sentiasa berubah.

MAS perlu peka dengan perkembangan teknologi agar sentiasa berada seiring dengan kemajuan teknologi di samping memberi khidmat pelanggan yang terbaik.

Khidmat pelanggan sangat penting kepada kejayaan MAS kerana kepuasan pelanggan sangat kritikal dan menjadi kunci kepada faktor kejayaan dalam industri penerbangan.

Kejayaan MAS tentu sekali adalah hasil gigih pihak pengurusannya dan rakyat Malaysia sentiasa mengharapkan pihak pengurusan MAS tidak leka dengan kejayaan ini.

Semoga MAS terus gigih menghadapi cabaran untuk terus memberikan perkhidmatan bertaraf dunia.

SAPORA SIPON,
*Universiti Sains
Islam Malaysia (USIM).*